

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)61

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

61. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan akses kepada pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) terus ditingkatkan serta apakah strategi dan pelan tindakan untuk meningkatkan minat terhadap STEM?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

61. Demi memastikan akses para pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) terus dipertingkatkan, pendedahan terhadap kerjaya profesional melalui lawatan sambil belajar di alam pekerjaan sebenar sektor industri, penganjuran program motivasi dan *career talk* dalam bidang STEM adalah dititikberatkan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri melalui Penang Science Cluster dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Universiti Sains Malaysia (USM) dan National Instruments (NI Malaysia) telah mendedahkan para pelajar terhadap kerjaya STEM dan bidang kejuruteraan komputer melalui lawatan industri dan perkongsian kejuruteraan oleh jurutera-jurutera pakar dalam bidang-bidang tersebut.

Kerajaan Negeri melalui agensi seperti Penang STEM, Penang Science Cluster (PSC) dan Tech Dome Penang sentiasa berterusan mencari jalan terbaik bagi membangunkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran agar para pelajar meminati dan seterusnya menyertai aliran STEM. Fokus utama adalah bagi melahirkan bakat STEM yang mampu beradaptasi dan memenuhi keperluan masa hadapan. Strategi yang dilaksanakan termasuklah melalui peningkatan kualiti program akademik dan latihan, memastikan hasil pembelajaran lebih bermakna, memanfaatkan teknologi baharu dan memperkukuh tadbir urus. Pelbagai langkah proaktif dalam usaha meningkatkan minat dan peratusan penyertaan pelajar dalam bidang STEM selari dengan pengisian terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Di bawah perancangan tersebut, antara langkah yang dilaksanakan untuk meningkatkan minat pelajar adalah melalui pendekatan teknik pembelajaran baharu bersama pengukuhan kurikulum, menambah baik kemahiran dan kebolehan guru STEM, meningkatkan kesedaran tentang STEM dalam kalangan pelajar, ibu bapa serta orang awam. Antara inisiatif yang signifikan adalah Karnival Mega STEM/TVET 2024 peringkat Negeri Pulau Pinang. Selain itu, komitmen Kerajaan Negeri yang sangat tinggi dalam meneruskan

fokus kepada penekanan terhadap kursus berteknologi tinggi adalah bersesuaian dengan permintaan guna tenaga pasaran industri dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui Penang Skill Development Centre (PSDC).

Kesemua inisiatif ini adalah dirancang dan dilaksanakan untuk menarik minat pelajar dalam bidang STEM dan sekali gus mampu menyediakan pekerja separuh mahir dan mahir menjelang tahun 2026 di mana memerlukan sebanyak 5,000 orang pekerja setiap tahun di Pulau Pinang.